

SEBUT HARGA DALAM TALIAN



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

BAGI

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN PEMBASMI KUMAN (*HAND
SANITIZER*) DAN CECAIR DISINFEKSI BAGI KEGUNAAN SATU (1)
TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

NO. SEBUT HARGA	MBSJ.KP.300-2/1/1 JILID 4
TARIKH BUKA	25 OGOS 2022
TARIKH TUTUP	09 SEPTEMBER 2022
MASA TUTUP	12.00 TENGAH HARI

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,
47610 SUBANG JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN.
www.mbsj.gov.my**





MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA


SENARAI KUANTITI DAN SPESIFIKASI

SENARAI KUANTITI DAN SPESIFIKASI

TAJUK: MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN PEMBASMI KUMAN (*HAND SANITIZER*) DAN CECAIR DISINFEKSI BAGI KEGUNAAN SATU (1) TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BIL	SPESIFIKASI	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1.	<div data-bbox="373 751 686 1207" data-label="Image">  </div> <p>Hand Sanitizer Jenis Cecair (5 liter/botol)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Produk telah didaftarkan dengan <i>NPRA (National Pharmaceutical Regulatory Agency)</i> dengan nombor pendaftaran MAL ii. Jenis Cecair iii. Kandungan bahan : Isopropyl Alcohol : >70% <p>Pembekal perlu mengemukakan <i>Material Safety Data Sheet (MSDS)</i></p>	163 UNIT

BIL	SPESIFIKASI	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
2.	 <p>Cecair Disinfeksi <i>Fog And Smoke Disinfectant For Fogging Machine</i> dan kerja-kerja pembersihan (5 liter/botol)</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Produk telah didaftarkan dengan <i>NPRA (National Pharmaceutical Regulatory Agency)</i> dengan nombor pendaftaran MAL ii. Jenis Cecair iii. Kandungan bahan : Aqua, Benzalkonium Cloride, non-ionic surfactant, Sodium Hypochloride 5% iv. Pembekal perlu mengemukakan Material Safety Data Sheet (MSDS) v. <i>Non Toxic</i> vi. <i>Non-flammable</i> vii. <i>Non-irritant to skin and eyes.</i> viii. <i>Alcohol Free</i> ix. <i>Kill Viruses , Germs , Bacteria</i> 	90 UNIT

BIL	SPESIFIKASI	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
3.	 <p><i>Chlorine Disinfectant Tablets 0.5G</i> (100 tablet/botol)</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>i. 0.5G Germisep Tablet</i> <i>ii. Pembekal perlu mengemukakan Material Safety Data Sheet (MSDS)</i> <i>iii. Perfect disinfectant that kill bacteria, viruses, mycobacteria, spore, algae and fungi</i> <ul style="list-style-type: none"> – Provide a hygienic environment for homes, schools, offices, hospitals, clinics, labs & etc. – Less irritation and low toxicity – Less tarnishing and corrosive – Convenient and stable – Safe, easy and accurate – Compact and economical – Organic resistant 	6 UNIT
JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)			

(Ringgit Malaysia:
.....)
(RM.....).

TEMPOH PERKHIDMATAN/BEKALAN (DITETAPKAN) : TIGA PULUH (30) HARI

.....
(Tandatangan Syarikat dan Cap)

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama:

Nama:

No. KP:

No. KP:.....

Atas Sifat:

Alamat:

Cap & Alamat Syarikat:.....

.....

.....

.....

No. Telefon:

No. Telefon:

No. Fax:

No. Fax:

Maklumat:

- * Spesifikasi yang dipaparkan adalah sebagai gambar rujukan pihak pembekal atau pembekal boleh menawarkan **spesifikasi yang hampir sama atau setaraf**. Pihak Majlis boleh menolak bekalan yang diterima sekiranya ianya tidak menepati spesifikasi yang setaraf dan pembekal perlu membekalkan semula mengikut kehendak Majlis.
- * Bekalan yang dibekalkan juga haruslah berkualiti, dan mengikut spesifikasi.
- * Tawaran harga adalah tidak termasuk dikenakan Caj Jualan dan Caj Perkhidmatan (CJCP) sekiranya ada.
- * **Pihak petender perlu menawarkan tempoh jaminan bekalan dalam tempoh empat belas (14) hari bermula daripada tarikh cap inbois yang diterima sekiranya kesilapan bukan berpunca daripada pihak Majlis.**



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PENENTUAN BEKALAN / PERKHIDMATAN*



**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

TAJUK : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN PEMBASMI KUMAN (*HAND SANITIZER*) DAN CECAIR DISINFEKSI BAGI KEGUNAAN SATU (1) TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

PENENTUAN BEKALAN / PERKHIDMATAN.

Skop bekalan yang ditawarkan hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

A) SYARAT-SYARAT AM PERKHIDMATAN

1. KEADAAN BARANG

Barang-barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru, belum digunakan dan menepati mutu yang telah ditetapkan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih meliputi semua kos perbelanjaan termasuk cukai-cukai yang berkaitan, pengangkutan, pemasangan, pembungkusan dan lain-lain. Harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM).

3. PEMERIKSAAN

- i) Majlis Bandaraya Subang Jaya berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- ii) Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. PENOLAKAN

- i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui akan ditolak.
- ii) Atas sebab-sebab (i) di atas, petender hendaklah membayar balik kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

5. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Petender adalah dikehendaki membuat perakuan bahawa bekalan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

6. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai Sebut harga atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

7. PEMBUNGKUSAN

i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, kos pembungkusan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh petender.

8. PUNCA BEKALAN

Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pengeluar, petender hendaklah menyatakan nama pembekal yang akan membekalkan barang/alat yang diminta.

9. PERATURAN PEMBAYARAN

Pembayaran hanya akan dibuat setelah pihak Majlis berpuashati dengan pesanan yang dibuat dan setelah semua penghantaran selesai dan dalam keadaan sempurna. Bayaran akan dilaksanakan secara Interim mengikut Kuantiti yang dipesan berdasarkan Jadual Penghantaran.

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

10. INSURANS

Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam Sebut Harga.

11. BARANG-BARANG “EX-STOCK” ATAU BARANG-BARANG KELUARAN DALAM NEGERI

a) Cukai

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua jenis cukai berkaitan.

b) Pembungkusan

- i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
- ii) Kehilangan atau kerosakan akibat pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh pembekal.

c) Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan (jika berkenaan).

12. BARANG-BARANG YANG DIIMPORT DARIPADA LUAR NEGERI

a) Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai yang berkaitan. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan secara berasingan.

b) Matawang

Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

c) Punca Bekalan Jika barang-barang tidak dibeli terus dari pengilang/pengeluar, sila nyatakan nama dan alamat pembekal di mana barang-barang itu akan diperolehi.

d) Pembungkusan

- i) Barang-barang hendaklah dibungkus dan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

- ii) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan.
- iii) Kehilangan atau kerosakan akibat dari pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh petender.

B) SYARAT-SYARAT KHAS

1. SENARAI KUANTITI DAN SPESIFIKASI

- 1.1 Pihak Majlis boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Petender melalui laman web Majlis/ surat/ telefon sekiranya ada.
- 1.2 Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi bekalan & harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan Petender.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar memunggah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara Petender adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 3.2 Spesifikasi Membekal Dan Menghantar Bahan Pembasmi Kuman (Hand Sanitizer) Dan Cecair Disinfeksi Bagi Kegunaan Satu (1) Tahun Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya hendaklah merujuk kepada **Jadual Spesifikasi Bekalan**. Semua barangan hendaklah mengikut spesifikasi dan juga jenama yang dikehendaki oleh pihak Majlis atau barangan yang setara dengannya.
- 3.3 Majlis adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

- 3.4 Petender hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

4. TEMPOH SIAP KERJA

- 4.1 Petender yang berjaya **WAJIB** mematuhi tempoh siap kerja sepertimana yang terkandung di dalam dokumen sebut harga, Membekal Dan Menghantar Bahan Pembasmi Kuman (Hand Sanitizer) Dan Cecair Disinfeksi Bagi Kegunaan Satu (1) Tahun Untuk Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- 4.2 Petender yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Majlis.
- 4.3 Pihak petender perlu menawarkan tempoh jaminan (*warranty*) bekalan dalam tempoh empat belas (14) hari bermula daripada tarikh cap inbois yang diterima sekiranya kesilapan bukan berpunca daripada pihak Majlis.**
- 4.4 Petender akan menanggung Fi bagi penyediaan Dokumen Perjanjian Kontrak sepertimana yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Sila rujuk Jadual Fi Bayaran.

JADUAL FI PENYEDIAAN DOKUMEN PERJANJIAN KONTRAK MENGIKUT NILAI KONTRAK

BIL.	NILAI KONTRAK	JUMLAH FI (RM)
1	< RM 10,000.00	500.00
2	RM 10,001.00 sehingga RM 50,000.00	1,000.00
3	RM 50,001.00 sehingga RM 100,000.00	1,500.00
4	RM 100,001.00 sehingga RM 500,000.00	3,000.00
5	RM 500,001.00 ke atas	(1% dari harga kontrak @ 10,000.00) mana lebih rendah.

JADUAL KADAR POTONGAN ATAU DENDA YANG DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR / PEMBEKAL YANG LEWAT MENGEMUKAKAN TUNTUTAN MENGIKUT JUMLAH SATU TUNTUTAN

BIL.	JUMLAH TUNTUTAN (RM)	KADAR POTONGAN
1.	RM20,000.00 dan ke bawah	RM50.00/sehari
2.	RM20,001.00 sehingga RM50,000.00	RM100.00/sehari
3.	RM50,001.00 dan ke atas	RM200.00/sehari



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

KADAR DENDA BAGI BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT SENARAI KUANTITI



**JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

TAJUK : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN PEMBASMI KUMAN (*HAND SANITIZER*) DAN CECAIR DISINFEKSI BAGI KEGUNAAN SATU (1) TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

**KADAR DENDA BAGI BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT
TEMPOH BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN SPESIFIKASI**

Syarikat boleh dikenakan denda seperti berikut mengikut kes (merujuk PK 4.2 Perkara 9.10.3 (a) dan (b) :

1. Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan/bekalan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

$$\frac{V (T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;

T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

2. Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan/bekalan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan/bekalan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.

Pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan/bekalan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan/bekalan tersebut.

3. Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Majlis dengan menggunakan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

SURAT AKUAN PEMBIDA

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BAHAN PEMBASMI KUMAN (*HAND SANITIZER*) DAN
CECAIR DISINFEKSI BAGI KEGUNAAN SATU (1) TAHUN UNTUK MAJLIS
BANDARAYA SUBANG JAYA**

MBSJ.KP.300-2/1/1 JILID 4

Saya.....nombor K.Pyang mewakili syarikat..... nombor Pendaftarandengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(**Nama Kementerian/Agensi**) atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam(**Nama Kementerian/Agensi**) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau

2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan

2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Majlis yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: i) *Potong mana yang tidak berkenaan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa